

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.12.2015

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai konsortium dan pembida-pembida yang telah disenarai pendekkan dan kaedah serta kriteria pembidaan untuk :-

- (a) Edra Energy anak syarikat milikan penuh 1MDB dan bila akan dimuktamadkan; dan
- (b) tanah dan projek Bandar 1Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, 1MDB telah mengumumkan pada 23 November 2015 bahawa Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) telah dimeterai dengan China General Nuclear Power Corporation (CGN) bagi penjualan 100% pemilikan 1MDB dalam aset-aset jana kuasa Edra Global Energy Bhd (Edra).

Berdasarkan penyata kewangan Edra bagi tahun berakhir 31 Mac 2015, 1MDB akan menerima untuk ekuitinya, wang tunai sebanyak RM9.83 bilion di samping pengambilalihan hutang aset operasi Edra oleh CGN Group sebanyak RM7.43 bilion. Melalui penerimaan tunai dan pemindahan hutang, 1MDB akan mencapai pengurangan hutang sehingga RM17 bilion. Urus niaga ini dijangka akan selesai pada bulan Februari 2016.

Bagi projek pembangunan Bandar Malaysia, 1MDB masih di dalam rundingan dengan pihak-pihak yang di senarai pendek dan akan mengumumkan keputusan bidaan apabila rundingan tersebut selesai.

Tuan Yang Dipertua,

Kriteria penilaian ke atas setiap bidaan antara lainnya ialah nilai pulangan maksimum kepada pemegang saham 1MDB, *deal certainty* (dengan izin) dan terma-terma yang adil dan munasabah.